

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN JULIAN TAN KOK PING
(STAMPIN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 21.10.2015

Y.B. TUAN JULIAN TAN KOK PING [STAMPIN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah orang mahu pun syarikat yang telah pun mendaftar membuat tuntutan balik GST di Sarawak serta jumlah dari segi kewangan. Daripada jumlah tersebut berapa ramai atau pun syarikat yang telah dibayar balik tuntutan serta jumlah dari segi kewangan. Begitu juga dengan yang belum dibayar balik.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 14 Oktober 2015, sebanyak 25,933 perniagaan telah berdaftar di bawah GST di negeri Sarawak. Ibu pejabat Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) telah

menerima sebanyak 10,763 borang permohonan tuntutan pembayaran balik GST dari negeri Sarawak bagi tempoh 1 April 2015 hingga 31 Ogos 2015 dengan nilai tuntutan sebanyak RM552 juta. Daripada jumlah tersebut, JKDM telah meluluskan 81.85% iaitu 8,810 permohonan dengan nilai sebanyak RM398 juta. Manakala baki sebanyak 1,953 permohonan dengan nilai sebanyak RM154 juta sedang diproses untuk pembayaran.